

Serdang Angels juara ragbi KL

Oleh Mohd Ali Majid

KETINGGALAN pada babak pertama, Serdang Angels bangkit pada babak kedua untuk muncul juara Liga Ragbi Perdana Kuala Lumpur selepas menewaskan Bandaraya Dragons 19-8 semalam.

Dalam perlawanan di padang TUDM Jalan Bellamy, Angels harus berterima kasih kepada winger Mohd Khairul Azhar Mohd Nor yang menjadi wira pasukan dan pemusnah impian Dragons untuk muncul juara kali pertama kejohanan ini.

Tatkala pasukan ketinggalan satu penalti dan try, Khairul yang bermain sebagai winger berjaya menembusi barisan belakang Dragons untuk melakukan dua try dan sekali gus meletakkan pasukan di hadapan.

Try pertama diperoleh menerusi gerakan cantik bermula setelah skrum di dalam kawasan Dragons dan bola diberikan kepada Khairul yang membuat larian solo di sebelah kanan untuk mencatat try berhampiran tiang gol kanan pada minit ke-57.

Khairul kemudian menghukum kesilapan bariisan belakang Dragons apabila menyambar bola dan terus meluruh berseorangan diri dari tengah padang hingga ke bawah palang gol pada minit ke-60 untuk Angels mendahului 12-8.

Try ketiga Angels dilakukan oleh pemain kebangsaan Lee Wei Ming yang turut menghukum pemain Dragons apabila menyambar bola daripada rangkaian lawan untuk meletakkan bola di sebelah kanan gol lawan.

Fulbek Jasmiza Khuzaire Jasme yang ditugaskan mengambil conversion berjaya dalam dua cubaan tetapi satu lagi tersasar walaupun dalam keadaan selesa.

Dragons dibarisi pemain berpengalaman seperti Redzuan Chan, Razak Manaf, Hanafi Manaf, Zakaria Ibrahim bertindak cemerlang terutama pada akhir babak pertama apabila mendahului hasil penalti try oleh jurulatih pasukan dan juga pemain kebangsaan Yusli Ramli pada minit ke-30.

Jurulatih Dragons, Yusli Ramli berkata kurang pengalaman dalam perlawanan lebih mencabar antara punca pasukan gagal kali ini.



UPM Serdang Angels menjuarai Kejohanan Ragbi Liga Perdana Kuala Lumpur, semalam. – Gambar Rosli Ahmad